



MEMPERKASAKAN WANITA DENGAN ILMU DAN MEMBERI PENDEDAHAN EFEKTIF DALAM MENANGANI & MEMBANTERAS HIV/AIDS DI KELANTAN

Kota Bharu, 22 Disember 2011 - Majlis AIDS Malaysia (MAM) telah mengambil inisiatif untuk menjalankan '**Seminar Memperkasakan Wanita Menangani HIV/AIDS**', yang berlangsung di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan pada 22 dan 23 Disember 2011, sempena dengan sambutan Hari AIDS Sedunia yang kini masih berlangsung dan disambut pada setiap bulan Disember setiap tahun. Usahasama strategik ini dijalankan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama daripada ahli Gabungan MAM di Kelantan, iaitu SAHABAT, pihak Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Kelantan, Persatuan Wanita Siam Kelantan dan Institut Wanita Kelantan dan ahli-ahli komuniti yang lain untuk melaksanakan program yang memberikan manfaat kepada golongan wanita dan remaja perempuan, terutama kepada mereka yang hidup dengan HIV dan AIDS di negeri tersebut.

Kerjasama ini dilihat satu usaha untuk memperkukuhkan iltizam untuk membanteras penularan virus HIV berkenaan dikalangan golongan wanita yang dilihat berada dalam golongan yang paling berisiko dijangkiti dengan jangkitan HIV daripada pasangan mereka, iaitu suami mereka yang kebanyakannya adalah daripada pengguna dadah suntikan.

Sejak penemuan virus HIV 30 tahun yang lalu, ianya telah meragut seramai lebih 25 juta nyawa di dunia dan menyebabkan jangkitan HIV kepada lebih 60 juta orang. Dianggarkan seramai 7,000 orang dijangkiti HIV setiap hari di mana 1,000 darinya adalah kanak-kanak. Pada akhir tahun 2009, dianggarkan seramai 33.3 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia yang mana 15.9 juta adalah di kalangan wanita dan 2.5 juta pula adalah di kalangan kanak-kanak.

Menurut sumber Kementerian Kesihatan Malaysia, sehingga akhir tahun 2010, seramai 91,362 orang telah dilaporkan dijangkiti HIV semenjak kes pertama dilaporkan pada tahun 1986 di Malaysia. Daripada jumlah tersebut seramai 16,532 orang telah mengalami fasa AIDS dan seramai 14,298 orang telah meninggal dunia.



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

“Pada tahun 2010, kita telah dikejutkan dengan realiti baru epidemik HIV dan AIDS di negara kita, yang telah berubah arah dari transmisi yang berpunca daripada perkongsian jarum suntikan, kepada transmisi yang berpunca daripada aktiviti seks tidak selamat. Perubahan ini membawa implikasi yang sangat besar dalam usaha kita untuk membendung epidemik HIV dan AIDS kerana ia meletakkan kaum wanita sebagai kumpulan sasaran yang terdedah kepada risiko HIV dan AIDS. Sebagai bukti, terdapat peningkatan sebanyak 3 kali ganda bilangan wanita-wanita yang dijangkiti HIV semenjak 10 tahun yang lepas. Nisbah jangkitan baru HIV di kalangan wanita adalah semakin meningkat dari 1.2% pada tahun 1990 ke 9.4% pada tahun 2000 dan kepada 18.3% pada tahun 2010”, ujar Tan Sri Mohd Zaman Khan, Presiden MAM dalam ucap tamanya di ‘*Majlis Perlanjutan Seminar Memperkasakan Wanita Menangani HIV/AIDS*’ hari ini.

Pada tahun 2010, jangkitan melalui hubungan seksual, (hetero, homo atau biseksual), mencatatkan 48.7% sedikit melepasi jangkitan melalui penggunaan dadah suntikan, iaitu sebanyak 47.4%. Jangkitan secara vertikal (Vertical transmission) meliputi hanya 1.1%, atau 40 kes-kes yang baru dilaporkan, di mana 13 telah dikesan di kalangan kanak-kanak di bawah umur 2 tahun, dan selebihnya sebanyak 27 kes dikesan lewat.

Menurut sumber Kementerian Kesihatan Malaysia, kadar kejadian HIV pada empat negeri melebihi peringkat kadar kejadian negara. Kelantan mencatatkan kadar insidens (*incidence rate*) HIV yang tertinggi di Malaysia pada tahun 2010, iaitu 28.8 kes untuk setiap 100,000 penduduk, lebih dua kali ganda tingginya berbanding kadar insiden kebangsaan yang berada pada takat 12.9 kes untuk setiap 100,000 penduduk. Kadar kejadian insiden ini diikuti oleh Pahang (24.8/100, 000), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (18.0/100, 000) dan Johor (15.5/100, 000).

Tan Sri Mohd Zaman juga menyeru kaum wanita seharusnya mempunyai kekuatan dalam merundingkan seks selamat supaya mereka boleh melindungi diri mereka sendiri. Pendekatan yang berkesan yang boleh melindungi pasangan dijangkiti HIV adalah dengan menggunakan kondom semasa melakukan hubungan intim di kalangan mereka yang mempunyai pasangan HIV-positif atau bila status HIV pasangan yang berisiko mendapat jangkitan HIV itu tidak diketahui. Beliau juga menekankan pentingnya untuk membuat ujian darah bagi setiap wanita dan pasangannya serta penggunaan kondom amat perlu supaya peningkatan kes melalui



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

transmisi seksual mampu dikurangkan, selaras dengan tema utama kempen sambutan Hari AIDS Sedunia, *'Menuju Sifar' – 'Sifar Jangkitan HIV; Sifar Diskriminasi; Sifar kematian berkaitan dengan AIDS'*.

Tan Sri Mohd Zaman juga mengingatkan kepada pasangan berkahwin adalah penting untuk memelihara tatasusila serta perlunya hubungan seksual ini dilakukan secara sah dan berlandaskan dari segi agama.

Seramai 100 orang peserta wanita dan remaja perempuan daripada beberapa jajahan di negeri Kelantan, termasuk Kota Bharu, Pasir Mas dan Tanah Merah turut serta dalam seminar yang dianjurkan dalam memperkasakan diri mereka dengan kesedaran dan ilmu pengetahuan mengenai hak asasi mereka dan kesihatan dalam dan luaran, iaitu mengenai isu cara jangkitan, pencegahan penularan virus HIV/AIDS dan kesihatan seksual reproduktif bagi membantu dalam melindungi dan hindari diri dari dijangkiti HIV dan penyakit kelamin.

Turut hadir di *'Majlis Perancangan Seminar Memperkasakan Wanita Menangani HIV/AIDS'* adalah Dr. Mahiran Mustaffa dari Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Pegawai Daerah Pasir Mas Hj. Mohamad Razali Mohamad, Pegawai Daerah Tanah Merah Tuan Hj. Zamri Ismail, wakil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), ahli Gabungan MAM, komuniti dan para peserta.

TENTANG MAJLIS AIDS MALAYSIA

Majlis AIDS Malaysia (MAM) telah ditubuhkan pada tahun 1992 berfungsi sebagai payung organisasi yang menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha badan-badan / pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bekerja dalam isu-isu HIV / AIDS di Malaysia. MAM, bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan organisasi antarabangsa, memastikan respons yang komited dan berkesan oleh badan-badan bukan kerajaan yang bekerja didalam isu-isu HIV / AIDS di Malaysia. MAM, yang terdiri daripada Sekretariat dan Organisasi Ahli-Ahli Gabungan, bekerjasama sebagai satu pasukan untuk menjalankan program ke seluruh negara dan berkhidmat sebagai suara bersama untuk masyarakat. Selain menyelaraskan dan melaksanakan program bersama Ahli-Ahli Gabungan, MAM juga memperlengkapkan organisasi-organisasi ini dengan latihan pembangunan kapasiti untuk melaksanakan program HIV / AIDS dengan lebih berkesan di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai MAM, sila layari laman web khusus, www.mac.org.my.

Sila hubungi Bahagian Media & Komunikasi, Majlis AIDS Malaysia untuk keterangan lanjut.

Erni Zawawi | +6017 232 6756 / erni@mac.org.my
Jeffry Pardan | +601 6445 3076 / jeffry@mac.org.my